

# Teguran PM dianggap ikhlas dan berterus terang

104

ALOR STAR, Ahad — Beberapa pihak menganggap teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai segelintir rakyat yang cuma menjadi 'warganegara ketika iklim negara baik' sebagai teguran ikhlas dan berterus terang.

Ketua Pemuda Berjasa Pusat, Drs Abdul Jalil Ahmad, berkata adalah menjadi lumrah manusia mengaku taat setia kepada negara dan pemimpin apabila menyedari mendapat manfaat daripada pengakuan yang dibuat itu.

Menurutnya, mereka yang bersikap begitu mempunyai tujuan dan kepentingan tertentu untuk faedah ahli-ahli kumpulan atau dirinya sendiri.

## Berharap

"Golongan itu akan menekan dan mengutuk kerajaan apabila keadaan ekonomi kurang memuaskan dan mendesak kerajaan untuk mendapatkan keistimewaan tertentu untuk mereka," ujarnya.

Drs Abdul Jalil berkata, pengaruh yang tidak baik itu sudah dipergunakan oleh pemimpin politik tempatan untuk menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat terhadap kerajaan.

Beliau berharap usaha dapat dilakukan untuk menyekat golongan itu daripada menggunakan pengaruh mereka untuk di-

sebar kepada masyarakat.

Ketua Penerangan Hamim Pusat, Datuk Haji Sudin Wahab, menyifatkan kesediaan Datuk Seri Dr Mahathir memberi pandangan begitu kerana ada pemimpin yang berpura-pura menunjukkan taat setia kepada kerajaan tetapi sebaliknya mereka mempengaruhi puak-puak tertentu mengutuk kerajaan kerana kelembapan ekonomi yang berlaku.

Katanya, warganegara yang bersifat demikian patut didedahkan kepada rakyat bagi membolehkan mereka dapat hukuman sewajarnya daripada rakyat.

Menurutnya, sebagai pemimpin, warganegara itu seharusnya memberi pandangan yang tepat mengenai kedudukan kerajaan dan bukannya mengkritik mereka tanpa alasan yang wajar.

"Golongan itu boleh dianggap sebagai kacang lupukan kulit kerana mengaku taat kepada negara dan pemimpin selepas dapat menikmati pelbagai kepentingan peribadi," katanya.

Perdana Menteri, hari ini menegur sikap segelintir rakyat yang cuma menjadi 'warganegara ketika iklim negara baik' tetapi mencari kesilapan pemimpin dan dasar kerajaan, sewaktu negara menghadapi masalah kelembapan ekonomi.

Katanya, golongan yang mudah panik dan bertindak membuta-tuli ketika menghadapi sesuatu tekanan, hanya tahu menuduh tanpa membantu menyusun langkah memperbaiki keadaan.

Beliau mengingatkan, jika golongan itu tidak mengubah sikap, mereka juga tidak harus marah jika ketaatan mereka kepada negara 'dipersoalkan'.